

20/03/2002

Pengakuan FBI, Time kikis buruk sangka Barat

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

KHAIRY Jamaluddin, 26, bersyukur kerana Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat mengesahkan Malaysia bukan sarang pengganas yang melancarkan serangan di New York dan Washington seperti yang digembar-gemburkan media Barat sebelum ini. Bagaimanapun, Exco Pergerakan Pemuda Umno paling muda ini berharap kerajaan meneruskan usaha membanteras saki-baki kumpulan radikal yang menyeleweng daripada akidah Islam sebenar.

Ikuti wawancara Penulis Khas Berita Harian (BH), AZHAR ABU SAMAH dan KHAIRUL ANWAR RAHMAT, dengan beliau yang menyentuh pelbagai isu semasa.

BH: Pengarah Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat, Robert S Mueller menolak dakwaan media Barat kononnya Malaysia menjadi pangkalan pengganas yang melakukan serangan di New York dan Washington pada 11 September tahun lalu. Apa pandangan saudara?

KHAIRY: Pemuda Umno mengalu-alukan kenyataan FBI yang menolak dakwaan bahawa Malaysia sebagai sarang pengganas. Pengakuan beliau memang tepat pada masanya ketika pihak asing masih prejudis dan bersangka buruk terhadap negara kita. Bagaimanapun, kunjungan Pengarah FBI ke Malaysia baru-baru ini, membuka lembaran baru terhadap imej Malaysia selepas terjejas teruk akibat peristiwa 11 September. Islam dikaitkan dengan keganasan. Malaysia yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi dan diduduki majoriti penduduk beragama Islam menjadi mangsa keadaan.

Pihak Barat menuduh kita turut terbabit sebagai tempat pelancaran pengganas yang bertindak nekad memusnahkan mercu tanda Amerika itu. Sejak itu, dunia Islam, khususnya Malaysia, dikritik dan dikecam kononnya memberi bantuan kepada pengganas. Pengakuan Mueller bahawa Malaysia bukanlah sarang pengganas memang tepat pada masanya. Kita berharap lebih banyak agensi Barat, terutama dari Amerika, melawat Malaysia dan melihat sendiri suasana dan kehidupan rakyat negara ini. Mereka tidak boleh lagi berpanduan kepada sumber berita kedua untuk menilai Malaysia. Kita tahu wujud kecenderungan pihak tertentu yang berniat jahat untuk memutarbelitkan fakta.

BH: Bagaimana dengan sikap sesetengah media asing yang sering mengaitkan Malaysia dengan pengganas sebelum ini?

KHAIRY: Pengakuan Mueller pasti memberi tamparan hebat kepada media asing, terutama dari Amerika, yang sebelum ini begitu yakin Malaysia bersekongkol dengan pengganas. Selepas peristiwa 11 September, laporan negatif terhadap Malaysia menjejaskan imej negara dan melunturkan keyakinan pelabur asing. Media asing pandai membuat tuduhan tanpa bukti kukuh dan akhirnya memakan diri sendiri. Jika pengakuan itu bukan dibuat oleh Pengarah FBI, mungkin media asing masih terus menjaja imej buruk negara di mata dunia.

Bagaimanapun, saya kesal kerana kerosakan yang besar terhadap imej negara sudah dilakukan tanpa bukti kukuh. Media asing begitu rakus melabel Malaysia sebagai negara pengganas dan menaja kegiatan keganasan. Mereka tidak mendapat maklumat tepat mengenai apa yang berlaku di Malaysia lalu membuat kesimpulan berdasarkan andaian dan spekulasi. Sepatutnya media asing membuat penilaian lebih adil terhadap Malaysia. Sejarah membuktikan kerajaan negara ini bertindak tegas terhadap kumpulan yang disyaki terbabit dengan kegiatan keganasan. Contohnya, pihak berkuasa berjaya menumpaskan kumpulan al-Arqam, Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan banyak lagi kumpulan bersifat pelampau. Laporan media asing yang mengaitkan Malaysia dengan pengganas hanya menunjukkan pemahaman cetek mereka

mengenai Malaysia.

BH: Majalah Time turut memohon maaf kepada Kerajaan Malaysia berikutan penyiaran rencana dan ilustrasi muka depan majalah itu yang mengaitkan negara ini dengan pengganas?

KHAIRY: Memang elok sangat penerbit majalah Time meminta maaf kepada Kerajaan Malaysia atas kesilapan yang dilakukan. Mereka melakukan sesuatu yang tidak munasabah apabila mengubahsuai bendera Malaysia dengan meletakkan imej senapang dan Osama bin Laden. Ilustrasi muka depan majalah itu memberi gambaran seolah-olah Malaysia ialah negara yang bersekongkol dengan pengganas dan menaja kegiatan keganasan. Selain itu, rencana yang ditulis mengenai Malaysia disertakan gambar hiasan yang menunjukkan banyak kegiatan keganasan berlaku di negara ini. Bagaimanapun, saya perhatikan gambar hiasan itu menunjukkan kumpulan Abu Sayyaf di Filipina dan askar jihad di Aceh yang tiada kena-mengena dengan rakyat Malaysia. Dengan kata lain, media asing sengaja memaparkan imej buruk negara dengan niat tertentu. Persepsi salah mengenai Malaysia diwujudkan majalah Time dan mereka yang bertanggungjawab memulihkannya kembali.

BH: Adakah Malaysia wajar menerima permohonan maaf dan meneruskan iklan pelancongannya dalam majalah Time?

KHAIRY: Jika mereka benar-benar ikhlas meminta maaf, tiada masalah untuk kita menerimanya. Bagaimanapun, buat masa terdekat ini, Malaysia perlu menilai laporan yang dibuat supaya ia lebih seimbang. Kita bukannya mahu majalah Time terus memuji dan mengangkat Malaysia. Apa yang diperlukan ialah laporan seimbang yang turut menonjolkan ciri positif rakyat dan negara ini. Selama ini, dunia mengakui rakyat Malaysia sebagai rakyat peramah dan bersopan-santun. Namun, sikap tidak bertanggungjawab media asing menjejaskan sektor pelancongan negara ini. Jika majalah Time sedar kesilapan dilakukan dan memberi laporan seimbang, kita boleh terus mengiklan produk pelancongan Malaysia dalam majalah itu. Tidak dinafikan, majalah Time mempunyai pasaran luas pada peringkat antarabangsa. Bagaimanapun, kerajaan perlu sentiasa memantau supaya pisang tidak berbuah dua kali.

BH: Selepas Marina Yusof dan Dr Chandra Muzaffar, seorang lagi pemimpin Keadilan, Zainur Zakaria meletakkan jawatan. Apa komen saudara?

KHAIRY: Ini menunjukkan pemimpin Keadilan yang menyertai politik dengan prinsip tertentu, kini tidak yakin lagi dengan perjuangan parti itu. Kita tahu tokoh seperti Chandra dan Zainur menyertai politik atas dasar prinsip. Bagaimanapun, selepas beberapa ketika, mereka sedar bahawa perjuangan Keadilan jauh berbeza dengan prinsip yang mereka pertahankan. Umum mengetahui betapa Chandra kecewa dengan sikap segelintir pemimpin Keadilan yang mengamalkan prinsip the end justifies the means (matlamat menghalalkan cara). Mereka sanggup melakukan apa saja untuk mencapai hasrat dan cita-cita politik. Sikap seperti itu tidak dapat diterima sebahagian besar ahli dalam Keadilan lalu mewujudkan perpecahan dalam parti itu. Bagi mereka yang berpegang teguh pada prinsip, langkah paling baik ialah keluar daripada parti itu.

Pemuda Umno mengalu-alukan sikap terbuka yang ditunjukkan beberapa bekas pemimpin parti Keadilan. Masih belum terlambat mereka berbuat demikian demi menyelamatkan negara ini. Saya meminta mereka yang masih belum sedar supaya kembali ke pangkal jalan. Perjuangan cetek bersandarkan emosi dan kepentingan peribadi tidak akan bertahan dalam politik Malaysia. Rakyat hanya mahu bertaut kepada parti yang benar-benar ikhlas memperjuang dan membela nasib rakyat tanpa mengira warna kulit, agama, bangsa dan keturunan.

BH: Bagaimana saudara menilai masa depan parti Keadilan, terutama pada pilihan raya umum akan datang?

KHAIRY: Bagi saya, Keadilan tiada masa depan langsung dalam politik

Malaysia. Saya percaya rakyat matang dan sedar mengenai helah politik yang diamalkan Keadilan. Keadilan menggunakan apa saja cara untuk memperjuang dan menjayakan matlamat sempit mereka. Kita boleh menilai prestasi Keadilan pada pilihan raya lalu di mana parti itu tewas teruk di hampir semua kawasan yang ditandinginya. Begitu juga pada pilihan raya kecil di beberapa kawasan sebelum ini. Isu yang dimainkan Keadilan sudah basi dan tidak dapat diterima rakyat. Sebab itu, kita menjangka Keadilan tidak akan bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari yang bakal diadakan tidak lama lagi.

Mereka tidak yakin langsung kerana menyedari tidak ada pengaruh di kawasan itu. Dengan kata lain, Keadilan tidak ada jentera di peringkat akar umbi. Kejayaan dalam pilihan raya banyak bergantung kepada kekuatan jentera di peringkat ini. Tiada guna Keadilan mendabik dada kononnya mendapat sokongan rakyat sedangkan mereka tidak ada pengaruh di akar umbi. Inilah yang menjadi masalah dalam Keadilan. Mereka sedar kemampuan parti Keadilan tidak setanding dengan Barisan Nasional yang sentiasa sedia menghadapi pilihan raya kerana mempunyai jentera yang mantap di seluruh negara.

BH: Baru-baru ini, mesyuarat Umno cawangan Pulau Kerengga di Marang, Terengganu dicemari pergaduhan hingga menyebabkan polis terpaksa melepaskan tembakan amaran. Bagaimana saudara menilai kejadian itu?

KHAIRY: Sepatutnya perkara seperti itu tidak berlaku ketika semua pihak dalam Umno sedang berusaha merapatkan hubungan dan perpaduan dalam parti. Tambahan pula, kejadian itu berlaku di Terengganu, iaitu negeri yang dikuasai Pas dan Umno sebagai pembangkang. Agenda utama Umno selepas tewas pada pilihan raya umum 1999 ialah merangka strategi dan gerak kerja untuk menawan Terengganu, bukannya bercakaran sesama sendiri. Kejadian itu juga menunjukkan perpecahan masih wujud di kalangan ahli Umno di Terengganu. Justeru, saya minta pihak terbabit mengetepikan masalah dalaman dan menumpukan perhatian terhadap agenda perjuangan parti. Kita tidak boleh ada team A atau team B, sebaliknya semua pihak perlu bersatu dalam pasukan Umno. Jangan biarkan kelemahan dalam parti dijadikan isu oleh pihak lawan, terutama Pas di Terengganu.

BH: Bagaimana dengan tindakan yang perlu diambil terhadap pihak yang terbabit dalam pergaduhan itu?

KHAIRY: Saya minta Badan Perhubungan Negeri Terengganu dan Jawatankuasa Pengurusan Umno membuat siasatan terperinci untuk mengenal pasti dalang bertanggungjawab menimbulkan kekecohan. Jika terbukti mereka melakukan kesalahan dan melanggar peraturan parti, tindakan tegas perlu dikenakan, termasuk memecat mereka daripada parti. Kita perlu mendisiplinkan ahli Umno kerana sikap segelintir yang memandang ringan perkara ini akan hanya memberi imej buruk kepada kumpulan majoriti dalam parti.

BH: Isu penambakan laut oleh Singapura semakin hangat apabila pemimpin republik itu bertegas bahawa mereka akan meneruskan projek itu kerana dilakukan dalam wilayahnya. Apa komen saudara?

KHAIRY: Dalam hal ini, Singapura perlu faham erti dan konsep kejiranan di antara dua negara. Jika kita tinggal di rumah teres, umpamanya, setiap pengubahsuaian terhadap rumah kita pasti memberi kesan kepada jiran sebelah. Dengan kata lainnya, jika kita mahu mengetuk dinding rumah dengan paku, sedikit-sebanyak ia memberi kesan terhadap rumah sebelah. Sebab itu, lebih baik jika setiap rancangan untuk mengubahsuaikan rumah mendapatkan pandangan daripada jiran. Jika kerja penambakan laut sudah melepasi sempadan Malaysia seperti dilaporkan akhbar, Singapura perlu menghentikan kegiatannya serta-merta.

Ini adalah isu besar kerana membabitkan pencerobohan sempadan negara. Di samping itu, perbuatan tidak bertanggungjawab itu turut memberi kesan terhadap sistem ekologi dan perairan negara. Kerja penambakan laut yang

dilakukan Singapura didapati memberi kesan besar kepada pelabuhan di Johor. Justeru, adalah tidak munasabah jika Singapura terus mempertahankan tindakan mereka kononnya tidak memberi kesan kepada Malaysia kerana dilakukan dalam wilayah mereka.

BH: Apa pandangan saudara mengenai saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya Russia menjadi kuasa besar yang mampu mengimbangi pengaruh Amerika Syarikat di arena antarabangsa?

KHAIRY: Saranan Dr Mahathir itu sangat penting dan tepat pada masa. Ini kerana sejak berakhir perang dingin, dunia hanya dikuasai satu kuasa besar, iaitu Amerika Syarikat. Amerika mahu mewujudkan dunia unipolar supaya mereka boleh menetapkan agenda dunia sama ada politik, ekonomi, sosial dan budaya. Bagaimanapun, sikap Washington tidak disenangi negara lain, terutama negara kecil dan membangun yang menerima tekanan secara langsung untuk mengikut rentak Amerika. Kita boleh melihat dengan jelas bagaimana Amerika memaksa negara kecil menerima agenda mereka dalam isu globalisasi dan keganasan. Namun, Malaysia ada acuan sendiri dalam isu tertentu. Kita tidak mengikut telunjuk Amerika dalam krisis mata wang tidak lama dulu.

Malaysia, walaupun mengutuk serangan pengganas terhadap New York dan Washington, mengambil berat tindak balas Amerika terhadap negara Islam seperti Afghanistan. Sebab itu, kita berharap Russia dapat mengimbangi kuasa Amerika supaya negara itu tidak melakukan apa saja sesuka hati. Jika tidak, Amerika akan terus bersikap angkuh dan melakukan apa saja demi kepentingannya.